

Rencana Dr. Chandra boleh gugat keselamatan negara — Saksi

UM 20 JUN 2001

KUALA LUMPUR 19 Jun — Ketua Bahagian Percepatan, Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah, Majlis Tertinggi UMNO memberitahu Mahkamah Sesyen di sini hari ini bahawa beliau berpendapat rencana yang ditulis oleh Dr. Chandra Muzaffar berunsur hasutan dan boleh menggugat keselamatan negara.

Mohd. Tajudin Tambi Abdul Wahid, 48, berkata, rencana yang disiarkan dalam akhbar lidah Pas, *Harakah* itu juga boleh menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada institusi kehakiman, pejabat Peguam Negara, polis dan media.

Sehubungan itu, kata saksi berkenaan, beliau mengambil keputusan membuat laporan polis selepas membaca rencana tersebut yang menuduh Perdana Menteri dan konco-konconya terlibat dalam konspirasi untuk

menjahkkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini kerana, jelas Mohd. Tajudin, beliau memang ditugaskan untuk memantau segala bentuk penulisan yang berunsur fitnah, hasutan dan menghina mahkamah yang dilaporkan dalam semua akhbar tempatan mahupun luar negara.

Mohd. Tajudin memberitahu demikian ketika beliau disoal dalam pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Rahman Redza pada perbicaraan pengarang *Harakah*, Zulkifli Sulong yang dituduh menerbitkan rencana berunsur hasutan.

Zulkifli, 37, dituduh menerbitkan rencana bertajuk "Liputan Pengakuan Salah Laku Sukma Hina dan Jahat: Dr. Chandra".

Rencana itu disiarkan pada muka surat 40, edisi Isnin *Harakah* bertarikh 2 ogos 1999.

Perenggan yang didakwa berunsur hasutan itu menyebut: "Adalah memalukan bahawa elemen di dalam pasukan polis, di Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media massa bersedia diperalatkan dalam konspirasi terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, (Datuk Seri) Dr. Mahathir Mohamad dan konco-konconya.

Perenggan itu adalah petikan kenyataan Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Dr. Chandra Muzaffar yang menyentuh pengakuan Sukma mengenai hubungan dengan abang angkatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri.

Zulkifli diwakili peguam bela Zamani Ibrahim dan Hasnan Hamzah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Khadijah Idris bersambung pada 28 Jun ini.